



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004



Tel. : 03-8885 3001
Faks : 03-8889 2187
E-mel : ismail@jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(S)TT.271 Klt. 12/(15)

Tarikh : 6 April 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/ Datuk/Dato'/Tuan,

LARANGAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK KE ATAS PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg.Tan Sri/Dato'
Seri/Datuk /Dato'/Tuan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg.Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan sedia maklum, di bawah Peraturan 21(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai awam dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah **dilarang daripada mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik.**

3. Secara khususnya pegawai dalam kategori tersebut tidak boleh:

3.1 Membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti politik;

- 3.2 Menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- 3.3 Terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada suatu pilihan raya kecil, atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- 3.4 Bertindak sebagai agen pilihan raya atau agen tempat mengundi;
- 3.5 Masuk bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- 3.6 Memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

4. Sehubungan dengan peraturan yang dinyatakan di atas, Kerajaan memandang serius penglibatan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam aktiviti politik. Penglibatan pegawai tersebut dalam aktiviti politik adalah bertentangan dengan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' yang diamalkan dalam perkhidmatan awam. Keadaan ini juga boleh membawa suasana yang tidak harmoni di tempat kerja.

5. Oleh itu, Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan hendaklah memantau perkara ini dan seterusnya mengingatkan semua pegawai dalam kategori berkenaan agar tidak terlibat dalam aktiviti politik sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3 di atas. Sekiranya terdapat mana-mana pegawai yang mengingkari arahan ini, tindakan tatatertib hendaklah dikenakan ke atas mereka berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

6. Di atas kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam', with a long horizontal flourish extending to the right.

(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia